



Soalan Lazim

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) Bagi Pelajar Dalam Kampus (versi 1.0)

Jabatan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP)

12 Mei 2020

1. Adakah saya dibenarkan untuk keluar masuk kampus semasa PKPB bagi membeli barang keperluan?

Tidak. Pelajar di dalam kampus adalah **TIDAK DIBENARKAN** keluar kampus kecuali bagi kes-kes kritikal dan keperluan khas sahaja.

2. Saya telah kembali ke kampung namun tertinggal barang yang penting di kolej. Bolehkah saya atau ibu bapa saya dibenarkan masuk kampus untuk mengambil barang?

Tidak. Pelajar yang telah pulang ke kampung **TIDAK DIBENARKAN** untuk masuk semula ke kampus bagi mengambil barang peribadi.

3. Adakah saya atau ibu bapa saya boleh hadir mengambil barang pada bila-bila masa terutama pada hujung minggu?

TIDAK DIBENARKAN sehingga PKPB berakhir.

4. Adakah saya dikenakan bayaran sekiranya barang ditinggalkan di dalam kolej sepanjang PKPB dan selepas?

Pihak Universiti tidak akan mengenakan sebarang caj sewaan.

5. Adakah saya dibenarkan membuat tempahan makanan dari luar? seperti dari Foodpanda dan GrabFood.

Pelajar **DIBENARKAN** menempah makanan daripada perkhidmatan penghantaran **TETAPI** penghantaran makanan hanya sehingga di pintu masuk utama pengawal. Pelajar perlu mengambil makanan tersebut di pintu pengawal.

- 6. Bolehkah saya membuat penghantaran kenderaan (contoh: motor) saya pulang ke kampung?**

Bagi pelajar Tahun Akhir boleh menggunakan perkhidmatan OPC (One-Stop Parcel Centre) bagi penghantaran kenderaan untuk pulang ke kampung.

- 7. Apakah prosedur untuk saya beriadah di dalam kampus?**

Aktiviti riadah adalah **DIBENARKAN** berdasarkan SOP Panduan Aktiviti Senaman dan Riadah Pasca PKP yang telah dikeluarkan oleh UTM Sport Excellence (USE).

- 8. Berapa kerap bas UTM akan beroperasi di dalam kampus?**

Bas UTM beroperasi dalam kampus pada hari Selasa dan Sabtu sahaja.

- 9. Saya telah pulang ke kampung tetapi saya bercadang untuk kembali semula ke UTM, adakah ini dibenarkan?**

TIDAK DIBENARKAN.

- 10. Adakah pelajar yang tinggal di dalam kampus akan dibekalkan makanan tiga kali sehari seperti sebelum ini / ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?**

Pelajar akan terus dibekalkan makanan seperti mana arahan kerajaan.

- 11. Sehingga bila bantuan makanan diberikan kepada pelajar di dalam dan luar kampus?**

Bantuan makanan akan diberikan sehingga 31 Mei 2020.

- 12. Adakah pelajar berkeluarga juga diberi bantuan makanan secara berterusan sedangkan mereka dibenarkan membeli barang dapur untuk dimasak?**

Pelajar berkeluarga **TIDAK LAYAK** menerima bantuan makanan mulai 13 Mei 2020.

- 13. Saya bercadang untuk tidak lagi menerima bantuan makanan dan ingin membeli sendiri makanan dari luar. Dengan siapa boleh saya maklumkan agar pembaziran bantuan makanan tidak berlaku?**

Pelajar boleh memaklumkan kepada Pengetua Kolej Kediaman masing-masing sekiranya ingin menamatkan penerimaan bantuan makanan.

- 14. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya saya dapat rakan saya mempunyai simptom Covid-19?**

Sila maklumkan kepada Pengetua Kolej Kediaman dengan kadar segera untuk tindakan lanjut.

- 15. Adakah terdapat kafeteria yang beroperasi di dalam kampus sepanjang dan selepas PKPB ?**

Sepanjang dan selepas PKPB terdapat premis makanan yang dibuka dan tidak terlibat dengan program makanan percuma iaitu Kafe Sekolah Kejuruteraan Mekanikal (SKM), Kafe Arked Perdana, Kafe Kolej Dato Onn Jaafar (KDOJ), Richiamo Coffee dan VCafe di Meranti. Namun begitu, operasi premis perniagaan tersebut bergantung kepada demografi semasa pelajar dalam kampus.

- 16. Bolehkah saya makan di Kafe/ Arked?**

Pelajar disarankan untuk membeli secara bungkus (*take away*).

- 17. Adakah saya dibenarkan untuk Solat Sunat Aidilfitri dan Takbir Raya bersama akan-rakan pada hari raya pertama?**

Buat masa sekarang **TIDAK DIBENARKAN** berhimpun dalam kumpulan kecuali bersama rakan sebilik sahaja seperti solat berjemaah bersama keluarga masing-masing. Walau bagaimanapun, perubahan tertakluk kepada Pekeliling Majlis Agama Islam Negeri Johor.

- 18. Adakah terdapat Kafeteria yang beroperasi di dalam kampus semasa cuti raya?**

Dijangkakan hanya Kafe KDOJ, Kafe Arked Perdana, VCafe dan Richiamo Coffee di Meranti, Kafe Pejabat Harta Bina (PHB), Food Kiosk di C17, Fakulti Sains sahaja yang akan beroperasi ketika cuti panjang. Namun, ia bergantung kepada jumlah staf yang dibenarkan berada dalam kampus jika PKPB masih berterusan. Setakat ini, waktu operasi yang dibenarkan adalah dari 8.00 pagi hingga 10.00 malam.

- 19. Bagaimana untuk mendapatkan maklumat tambahan kepada pelbagai soalan berkaitan PKPB?**

Maklumat lanjut boleh di dapati di laman web <https://www.utm.my/covid19/>. Pelajar juga digalakkan untuk menyertai Channel Telegram Pelajar UTM <https://t.me/UTMstudents> bagi mendapatkan informasi yang pantas dan terkini.